

Terowong banjir pelbagai guna

WAWASAN Perlis Negeri Maju 2015 semakin mencapai matlamat selepas kerajaan negeri yang diterajui Menteri Besar, Datuk Seri Azlan Man bertungkus-lumus memenuhi 53 indikator yang ditetapkan.

Sehingga kini, hanya 11 indikator yang masih belum terlaksana.

Soal pendapatan per kapita rakyat, menghapuskan kemiskinan, nisbah keberuntungan rakyat dalam kehidupan dan kadar ponteng sekolah yang tinggi seharusnya menjadi sasaran utama sebelum Perlis diisytiharkan menjadi negeri maju.

Meskipun terletak di pangkal Semenanjung Malaysia, Perlis mempunyai tarikan tersendiri yang mampu menggamit kehadiran pelancong tempatan dan antarabangsa untuk bermalam sekurang-kurangnya sehari.

Lupakan sebentar kisah Kuala Perlis yang jetinya hanya menjadi sekadar persinggahan pelancong untuk ke Pulau Langkawi kerana daerah itu kini dalam proses pembangunan semula yang drastik.

Begitu juga Padang Besar yang selama ini hanya menjadi tempat persinggahan sementara sebelum ke Satun, Thailand juga perlu dilupakan.

Daerah Padang Besar kini bakal mempunyai Pelabuhan Darat Perlis dan Lembah Chuping yang akan dihiasi taman tenaga solar yang dianggap antara terbesar di negara ini.

Tarikan terbaharu

Masalah pengangkutan dan tempoh perjalanan lama yang menjadi punca utama kemerosotan pelancong bakal diatasi.

Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) menyediakan perkhidmatan tren elektrik (ETS) dari KL Sentral ke Padang Besar, Perlis. Tempoh perjalanan hanya mengambil masa kurang enam jam dan kadar tambang tidak lebih RM80.

Negeri Perlis Indera Kayangan itu kini mempunyai perkhidmatan bas henti-henti, MyBas yang melalui jalan-jalan utama.

Namun, kerajaan Perlis perlu memastikan lokasi pelancongan di negeri itu seperti Kuala Perlis, Taman Anggur dan Gua Kelam dipromosikan dengan sempurna.

Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Datuk Zainor Rahim Ibrahim berkata, Perlis bakal mempunyai sebuah terowong laluan air batu kapur sepenuh masa sepanjang 756 meter di Tebing Tinggi, Padang Besar, Perlis yang merupakan salah satu komponen utama Projek Lencongan Banjir Barat Timah Tasoh.

"Terowong ini bakal mencatat rekod kerana merupakan terowong laluan air terpanjang di negara ini, sekali gus akan menjadi tarikan pelancongan baharu di Perlis pada masa depan.



PEMBINAAN terowong laluan air sepanjang 756 meter di Tebing Tinggi, Padang Besar, Perlis ini hampir 70 peratus siap.

"Pembinaan terowong yang menelan kos lebih RM56 juta ini hampir 70 peratus siap. Ia boleh dilalui bot-bot kecil atau digunakan untuk aktiviti rekreasi tertentu ekoran hanya tiga perempat sahaja di dalamnya akan dipenuhi air.

"Selain itu, aktiviti rekreasi seperti menyusuri sungai, berkayak dan berenang secara maraton boleh diadakan kerana aliran air yang tidak deras dan berbahaya," katanya ketika ditemui baru-baru ini.

Projek pembinaan terowong laluan air itu menggunakan kepakaran sebuah syarikat dari China. Ia dianggap unik kerana ditebuk hanya satu laluan iaitu dari arah Kampung Wai ke Tebing Tinggi ekoran beberapa faktor termasuk jarak sungai yang terlalu hampir di Tebing Tinggi.

Berbanding terowong yang dibina di seluruh dunia, laluan ditebuk dari kedua-dua arah dan bertemu di bahagian tengah terowong.

Selain itu, terowong tersebut juga disifatkan sebagai antara yang tercantik kerana terletak dalam banjaran batu kapur terpanjang di negara ini dan berusia lebih 500 juta tahun selain mengunjur sehingga ke Selatan Thailand.

Projek Lencongan Banjir Timah Tasoh boleh dianggap projek tebatan banjir yang unik.

Pengarah JPS Perlis, Abdul Najib Abdullah berkata, projek yang bermula pada Disember 2012 melibatkan kos keseluruhan RM320 juta itu dijangka siap sepenuhnya pada Jun tahun depan.

"Projek ini berperanan sebagai saluran khas tebatan banjir akibat limpahan air dari Empangan Timah Tasoh di Padang Besar.

"Uniknya, projek ini merupakan projek tebatan banjir yang pertama di Malaysia yang menyalirkan air limpahan dari empangan terus ke terusan sepanjang 22.8 kilometer dan terowong khas (756 meter) yang mengalir terus ke laut di Kuala Perlis," katanya.

INFO Terowong Lencongan Banjir Perlis

- Pemaju: A.M.I Construction Sdn. Bhd
- Kontraktor utama: China Railway Engineering Corporation
- Kos: RM56 juta
- Projek ini berperanan sebagai saluran khas tebatan banjir akibat limpahan air dari Empangan Timah Tasoh di Padang Besar.
- Projek tebatan banjir pertama di Malaysia yang menyalirkan air limpahan dari empangan ke terusan sepanjang 22.8 kilometer dan terowong khas (756 meter) yang mengalir terus ke laut di Kuala Perlis
- Bentuk terowong separuh bulatan
- Panjang 756 meter, lebar 10 meter dan ketinggian tujuh meter
- Isipadu korekan terowong ialah 77,100 meter padu atau 31 buah kolam renang bersaiz Olimpik
- Terowong ini dijangka siap sepenuhnya pada Jun 2016
- Seramai 200 hingga 300 individu bertugas 24 jam setiap hari bagi menyiapkan terowong ini